

Khidmat UMP bersama pelajar SMK Ahmad



Pekan, 24 April -Seramai 86 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ahmad yang terdiri daripada pengawas serta anggota unit beruniform, kelab dan persatuan telah menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda (In-Team) anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kem selama dua hari tersebut yang dijalankan di UMP Pekan dan SMK Ahmad memfokuskan pembinaan jati diri, kepimpinan cemerlang, keyakinan kendiri dan daya saing para peserta untuk berperanan dengan lebih efektif sebagai pemimpin muda yang bertanggungjawab membantu pentadbir dan guru di sekolah.

Menurut mahasiswa Tahun 2 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UMP, Ahmad Aftar Mukhriz Amir Khan, 21, selaku Pengurus Projek, berbanding dengan pelaksanaan In-Team di sekolah-sekolah lain sebelum ini, kem ini buat pertama kalinya menampilkan menerapkan elemen Neuro-Lingusitic Programming (NLP) seperti state management; step in, step out; incantation dan mental framing bagi meningkatkan keberkesan modul dan aktiviti yang dijalankan dalam konteks suntikan kesedaran dalam kalangan peserta.



Dengan tema 'One For All, All For One', kelasakan minda dan ketahanan jiwa para peserta telah diuji dengan pelbagai modul dan aktiviti interaktif seperti Mulanya Di Sini, Tak Kenal Maka Tak Cinta, Last Man Standing, Parliament War, The Burj, Hustle-puzzle dan Muhasabah Diri sepanjang program.



Hadir merasmikan penutupan kem ialah Pengetua SMK Ahmad, Hajah Norhasimah Abdul Ghaffar yang turut mengalukan komitmen Kelab In-Smartive dalam konteks pengukuhan jalinan perkongsian pintar dengan sekolah tersebut yang juga merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) di bawah seliaan UMP sejak awal tahun ini.

Dalam majlis yang sama, dua pelajar Tingkatan 5, Muhammad Helmie Hakim Halim, 17 dan Nor Farhana Abdullah, 17 telah turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik In-Team. Ketika ditemui, kedua-dua pelajar tersebut menzahirkan rasa sukacita atas pengalaman yang ditimba sepanjang kem, khususnya pendedahan terhadap kemahiran membuat keputusan dan keperluan untuk mendahului akal berbanding emosi pada setiap masa.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor UMP merangkap Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Muhammad Abdul Muhamimin Mamat.



Berita disediakan oleh Ahmad Badruzzaman Idris, Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor dan Nur 'Aisyatul Sakinah Baharudin, Setiausaha Bahagian Penerangan Kelab In-Smartive manakala foto oleh Wan Amalin Suraya Wan Arifin.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 29-04-2016, 09:58:31